

1,312  
KESALAHAN

tidak menyelenggara peralatan memadam kebakaran dan tidak berfungsi dikesan

282  
KES

atau kira-kira 10 peratus daripada 2,904 kes kebakaran dalam tempoh enam bulan pertama 2017

→ EKSKLUSIF

JADUAL 10 UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

Untuk bangunan tinggi melebihi 30 meter (10 tingkat):



1 Sistem pancur basah (wet riser)



2 Sistem penggera kebakaran



3 Alat pemadam api di setiap tingkat dan diselenggara sekurang-kurangnya setahun sekali



4 Lif bomba



5 Mempunyai sekurang-kurangnya dua tangga



6 Lampu kecemasan yang diselenggara



7 Petunjuk laluan keluar



8 Pintu rintangan api yang tidak dikunci atau dihalang



9 Suis bomba untuk matikan bekalan elektrik (kebiasaannya berdekatan tangga)



\*\* Pindaan 2012 mewajibkan setiap unit kediaman baru mempunyai alat pengesan kebakaran

RADI : GRAFIK BH



Bahaya peralatan pemadam kebakaran tak diselenggara

**Kuala Lumpur:** "Saya cuba padamkan api dengan hos pancur basah yang dipasang di luar pintu rumah saya tetapi bila buka (paip hos) air tiada. Kemudian saya pergi cari alat pemadam untuk padamkan api yang makin marak di dapur rumah saya.  
"Memang ada enam balang pemadam api (di tingkat sama), tetapi semuanya kosong," kata mangsa kebakaran, Azhar Kadirun mengenang kembali insiden kebakaran di rumahnya di Tingkat 14 Perumahan Awam Seri Kelantan pada Julai tahun lalu.  
Azhar, 62, yang ketika itu bersama isteri, Jaharah Md Arif, 58, serta

anak tiri, selamat. Bagaimanapun, rumah yang mereka diami sejak 20 tahun itu musnah akibat letupan tong gas ketika keluarga berkenaan menyiapkan makanan.  
Bekas pesara kerajaan itu berkata, insiden terbabit mengajar betapa pentingnya peralatan pemadam kebakaran seperti hos pancur basah dan alat pemadam api diselenggara bagi memastikan ia berfungsi dengan baik ketika kebakaran berlaku.  
Bersyukur kerana hanya melecur pada muka, kedua-dua tangan dan kaki kerana cuba memadamkan kebakaran, Azhar berkata, keluarganya kerugian kira-kira RM30,000 ter-



Azhar menunjukkan hos pancuran basah yang kurang tekanan air selepas setahun kejadian kebakaran kediamannya di tingkat 14 Perumahan Awam Seri Kelantan, Sentul pada Julai 2016.

masuk kos untuk membaik pulih rumahnya.  
**Pastikan peralatan berfungsi**  
"Pihak bertanggungjawab perlu memastikan semua peralatan ini berfungsi atau ia membahayakan nyawa penduduk," katanya sambil menunjukkan kesan kebakaran pada hos pancur basah yang menjadi saksi episod hitam bagi keluarganya.  
Wartawan BH mendapati hos pancur basah di sebelah rumah Azhar tidak berfungsi dengan baik kerana masalah tekanan air rendah, sekaligus menimbulkan persoalan apa yang akan berlaku sekiranya insiden kebakaran berulang di perumahan

awam itu.  
Tinjauan mendapati alat pemadam api juga tiada di tingkat 13 bangunan sama.  
Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim, berkata reka bentuk pangapuri dan kondominium yang mempunyai dapur di bahagian pintu masuk juga meningkatkan risiko bahaya kebakaran dan kerana itu pindaan dilakukan pada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam pada 2012 untuk mewajibkan bangunan melebihi 30 meter (10 tingkat) memasang pengesan kebakaran di setiap unit kediaman.  
Bagaimanapun, pindaan itu tidak

terpakai bagi bangunan yang dibina sebelum 2012, sebaliknya tertakluk kepada Jadual 10 peraturan itu yang antara lain mewajibkan setiap bangunan kediaman tinggi mempunyai sistem pancur basah, alat pemadam kebakaran, penggera kebakaran dan pintu rintangan api.  
Zaiton Mohd Safi, 63, yang menetap di Perumahan Awam Seri Kelantan sejak 1991 berkata selain peralatan memadam kebakaran tidak diselenggara dan hos pancur basah yang dikunci, masalah tempat letak kenderaan terhad juga menyebabkan usaha memadam kebakaran lebih rumit.